News : The News Sabah Times
Date: 09 February 2010
Language: Malay
Subject: Arts
Page: 3

FIESTA CAHAYA ... Pembantu Menteri Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Negeri Sabah, Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid telah menyempurnakan majlis perasmian Fiesta Cahaya 2010 di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) dekat Kota Kinabalu Sabtu lalu.

Fiesta anjuran Sekretariat Kesenian Kebudayaan & Warisan India Exco Kebudayaan dan Kesenian dan Majlis Perwakilan Pelajar UMS ini telah menghimpunkan ramai penuntut dari pelbagai bangsa.

Jainab berkata, bahawa Fiesta Cahaya adalah perayaan yang disambut oleh seluruh kaum India bagaimanapun program itu turut dimeriahkan oleh pelbagai suku kaum dan bangsa.

"Ini membuktikan bahawa semangat 1 Malaysia sentiasa tertanam dalam sanubari generasi pelapis kita," tambahnya.

Jainab (tiga kanan) menyalakan cahaya bersama pegawai kanan UMS sempena majlis itu. - Oleh Sylvia Juanis

